



GARIS PANDUAN KEMPEN TANPA BEG PLASTIK SETIAP HARI NEGERI PULAU PINANG 2025

1.0 TUJUAN

Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang 1.0 (*Plastic Bag 1.0*) yang telah dilaksanakan dari tahun 2009 hingga 2016 selama tujuh (7) tahun, memerlukan penilaian semula bagi memastikan kempen tersebut kekal relevan, berkesan dan selaras dengan perkembangan semasa. Matlamat utama kempen ini adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik demi memelihara kelestarian alam sekitar.

Sehubungan itu, Garis Panduan Baharu bagi Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang 2.0 (*Plastic Bag 2.0*) telah disediakan sebagai penambahbaikan pelaksanaan kempen terdahulu, selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Selaras dengan pelancaran Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang yang telah diumumkan pada 14 Februari 2025, Garis Panduan baharu bagi kempen tersebut disediakan bagi memastikan kempen ini kekal relevan dan sebagai asas panduan serta rujukan bagi penambahbaikan pelaksanaan *Plastic Bag 2.0* yang telah dilaksanakan oleh Negeri Pulau Pinang.

Penyediaan Garis Panduan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025 (*Plastic bag 3.0*) bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi pelaksanaan kempen secara bersepadu dan holistik. Garis Panduan yang disediakan akan berfungsi sebagai panduan dan indikator pengukur bagi pelaksanaan dan keberkesanan kempen tersebut.

2.0 LATAR BELAKANG

Kempen Hari Tanpa Beg Plastik di Pulau Pinang merupakan satu inisiatif proaktif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menangani isu pencemaran plastik yang semakin membimbangkan. Penggunaan beg plastik yang meluas di

kalangan masyarakat memberikan impak buruk terhadap alam sekitar kerana beg plastik memerlukan masa antara 400 hingga 1,000 tahun untuk mereput sepenuhnya. Sepanjang tempoh ini, beg plastik terurai menjadi partikel halus yang berisiko mencemarkan ekosistem dan merosakkan alam sekitar. Di samping itu, beg plastik dihasilkan daripada bahan kimia toksik seperti *xylene*, *ethylene oxide*, dan *benzene*, yang memberi kesan negatif terhadap kesihatan manusia serta persekitaran.

Menyedari kesan buruk penggunaan beg plastik, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma pada tahun 2009 sebagai langkah pertama dalam usaha mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna. Pada peringkat awal, kempen ini hanya dilaksanakan pada hari Isnin setiap minggu. Susulan sambutan positif daripada masyarakat, kempen ini diperluaskan pada tahun 2010 yang meliputi hari Isnin, Selasa, dan Rabu. Pada tahun 2011, kempen ini diperluaskan lagi kepada setiap hari bagi perniagaan tertentu seperti Pasaraya Hyper (*hypermarket*), Pasaraya Super (*supermarket*), kedai serbaneka, farmasi, restoran makanan segera, rangkaian nasi kandar, dan kedai serbaneka, termasuk kios-kios stesen minyak.

Kronologi pelaksanaan kempen adalah seperti berikut:

- 2009: *Plastic Bag 1.0* – Kempen Tiada Beg Plastik Percuma Setiap Hari Isnin (*Caj RM0.20 bagi setiap beg plastik di pasar raya besar dan pasar raya*)
- 2010: Kempen Tiada Beg Plastik Percuma Setiap Hari Isnin hingga Rabu
- 2011: Kempen Tiada Beg Plastik Percuma Setiap Hari
- 2017: *Plastic Bag 2.0* – Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma
- 2019: Kempen Tiada Beg Plastik Setiap Hari Isnin
- 2020: Kempen Tiada Beg Plastik Setiap Hari Isnin hingga Rabu
- 2021: Kempen Tiada Beg Plastik Setiap Hari Isnin hingga Rabu, dan Caj RM1 bagi Beg Plastik Setiap Hari Khamis hingga Ahad
- 2025: Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang

Seiring dengan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencapai matlamat pembangunan mampan melalui Visi Penang2030: "Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga, Inspirasi Negara", pada tahun 2025, Pulau Pinang akan melaksanakan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari secara penuh di seluruh negeri. Langkah ini menandakan pencapaian penting dalam pengurusan sisa plastik di negeri ini, serta menunjukkan usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk memelihara alam sekitar dengan pendekatan yang lebih holistik dan mampan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif utama Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025 adalah bertujuan:

- i) Mengurangkan kebergantungan terhadap beg plastik sekali guna yang memudaratkan alam sekitar serta mengurangkan jumlah sisa pepejal yang memerlukan pelupusan;
- ii) Meningkatkan kesedaran awam terhadap kesan negatif penggunaan beg plastik terhadap alam sekitar, termasuk risiko seperti banjir kilat dan penularan penyakit seperti demam denggi akibat pembuangan beg plastik ke dalam laluan air;
- iii) Menggalakkan amalan hijau dalam kehidupan seharian dan mengintegrasikan prinsip kelestarian dalam urusan niaga perniagaan di seluruh Negeri Pulau Pinang; dan
- iv) Menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri contoh dalam usaha kelestarian alam sekitar dan pengurangan penggunaan plastik sekali guna di Malaysia.

4.0 PRINSIP DAN KONSEP

4.1 KONSEP KEMPEN

Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025 akan mengguna pakai prinsip dan konsep tidak lagi membekalkan **beg plastik jinjit** kepada pengguna di kaunter bayaran di premis-premis perniagaan yang ditetapkan.

Bermula **1 September 2025**, Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari 2025 (*Penang No Plastic Bag Everyday Campaign 2025*) akan dikuatkuasakan sepenuhnya secara berfasa. Melalui pelaksanaan ini, tiada lagi beg plastik dibekalkan pada setiap hari di lapan (8) kategori premis perniagaan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana yang disenaraikan di Para 6.1. Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak lagi menerima sebarang caj sumbangan hasil kutipan beg plastik daripada pihak perniagaan.

Pengguna digalakkan untuk membawa beg sendiri atau menggunakan alternatif lain yang lebih mesra alam, seperti beg guna semula atau bekas lain yang lebih lestari.

4.2 TAFSIRAN / DEFINISI BEG PLASTIK

Beg plastik merujuk kepada beg plastik jinjit yang mempunyai pemegang (telinga/jinjit) di kiri dan kanan, lazimnya digunakan untuk membawa barang belian. Beg plastik jinjit ini biasanya diberikan kepada pengguna di kaunter bayaran, di mana komponen asasnya diperbuat daripada plastik (polimer sintetik/semi sintetik) yang direka untuk digunakan sekali sahaja dan kemudian dibuang selepas digunakan seperti gambar rajah di bawah.

Plastik bagi pembungkusan (*wrapper*) produk/minuman/makanan tidak termasuk sebagai kategori beg plastik dalam kempen ini.



Gambar rajah: Beg plastik jinjit sekali guna yang dilarang.

4.3 TAFSIRAN / DEFINISI BEG GUNA SEMULA (*REUSABLE BAG*)

Beg guna semula merujuk kepada beg yang diperbuat daripada bahan yang tahan lama seperti kain, kanvas atau bahan mesra alam yang boleh digunakan berulang-kali, berbanding beg plastik jinjit sekali guna yang lazimnya dibuang selepas sekali penggunaan sahaja. Ini bertujuan untuk mengurangkan pembaziran bahan plastik yang tidak terurai dengan mudah di alam sekitar yang boleh memberi kesan buruk kepada ekosistem dan kesihatan manusia.

4.4 CADANGAN PENGGUNAAN BEG/BUNGKUSAN ALTERNATIF

Selaras dengan komitmen untuk mengurangkan penggunaan beg plastik jinjit sekali guna serta memperkukuhkan amalan kelestarian alam sekitar, premis-premis perniagaan adalah dibenarkan dan digalakkan untuk menyediakan pilihan beg atau bungkusan alternatif yang boleh digunakan semula sebagai ganti kepada beg plastik konvensional. Inisiatif ini merupakan salah satu strategi penting dalam mendukung agenda pembangunan mampan dan menyokong aspirasi negeri dan negara ke arah ekonomi hijau.

4.5 CIRI-CIRI BEG GUNA SEMULA DAN BEG/BUNGKUSAN ALTERNATIF

Beg atau bungkusan alternatif yang disediakan hendaklah bersifat mesra alam iaitu diperbuat daripada bahan-bahan yang tidak mencemarkan, boleh dikitar semula, dan mampu diguna berulang kali. Pemilihan bahan hendaklah mengambil kira aspek keselamatan daripada pelbagai sudut termasuk:

- i) **Sumber bahan mentah** – Beg hendaklah diperbuat daripada bahan yang diperolehi secara lestari seperti kapas organik, bahan bukan tenunan (*non-woven*) atau bahan komposit biodegradasi;
- ii) **Jejak karbon dan tenaga penghasilan** – Proses pembuatan beg hendaklah menjimatkan tenaga dan menghasilkan kadar pelepasan karbon yang rendah;
- iii) **Kekukuhan dan jangka hayat** – Beg harus tahan lama dan mampu digunakan berkali-kali tanpa mudah rosak, bagi mengelakkan pembaziran sumber; dan
- iv) **Kos dan kebolehcapaian** – Kos penyediaan hendaklah munasabah bagi memastikan ia dapat ditawarkan kepada pelanggan pada harga yang berpatutan dan inklusif.

4.6 JENIS BEG/BUNGKUSAN ALTERNATIF

Jenis beg atau bungkusan alternatif yang boleh ditawarkan adalah bergantung kepada kesesuaian operasi dan skala perniagaan masing-masing. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada beg-beg seperti berikut:

- i) **Beg kain kapas atau kanvas** – Sesuai untuk kegunaan jangka panjang dan boleh dicuci;
- ii) **Beg bukan tenunan (*non-woven*)** – Lebih murah dan ringan. Penggunaan beg jenis ini perlu mempunyai label eko atau pensijilam yang diiktiraf seperti SIRIM; dan
- iii) **Beg dari bahan biodegradable atau kompos** – Penggunaan beg jenis ini perlu disertakan dengan label eko atau pensijilan piawaian yang diiktiraf, seperti SIRIM.

Contoh ilustrasi jenis beg

Jenis Beg	Bahan	Contoh
Beg non-Woven PP	Polipropilena	
Beg Kanvas	Kapas Semula Jadi	

Beg Guni Jute	Serat Jute	
Beg Nylon Lipat	Nylon	
Beg Kraf Kertas	Kertas Kitar Semula	

4.7 PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Bagi memperkukuh keberkesanan pelaksanaan ini, pihak yang bertanggungjawab digalakkan untuk memainkan peranan proaktif dalam mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna.

4.7.1 PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang, khususnya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), memainkan peranan penting dalam pelaksanaan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025 ini. Antara peranan yang perlu dimainkan adalah seperti:

- i) Menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan yang terlibat dalam memastikan pematuhan kepada garis panduan yang berkuatkuasa. Ini termasuk mengenakan tindakan terhadap premis yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan;
- ii) Bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti Penang Green Council (PGC) dalam usaha mendidik dan meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan mengurangkan penggunaan beg plastik jinjit sekali guna. Ini termasuk penganjuran kempen dan program pendidikan kepada masyarakat;
- iii) Memantau maklum balas awam melalui media sosial dan saluran aduan rasmi seperti talian aduan, e-mel dan aplikasi mudah alih. Tindakan susulan diambil terhadap laporan pelanggaran atau cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh orang awam; dan
- iv) Memberi sokongan khas kepada peniaga kecil seperti penjaja, pasar malam dan pasar pagi dalam bentuk insentif, latihan, atau pengecualian sementara untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan peraturan baharu tanpa menjejaskan mata pencarian.

4.7.2 PEMILIK PERNIAGAAN

Pemilik-pemilik perniagaan juga mempunyai peranan penting dalam pelaksanaan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari

Negeri Pulau Pinang 2025. Antara peranan pemilik perniagaan dalam pelaksanaan kempen ini adalah seperti:

- i) Bertanggungjawab mematuhi dasar negeri dengan mengikuti garis panduan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025 iaitu tidak menyediakan beg plastik setiap hari kepada pengguna;
- ii) Digalakkan menyediakan pilihan alternatif seperti beg guna semula atau beg/bungkusan alternatif kepada pelanggan. Sesetengah pemilik boleh menjual beg mesra alam pada harga yang mampu milik atau memberikannya secara percuma pada tempoh tertentu;
- iii) Memaparkan maklumat dengan jelas dan menarik berkenaan jenis-jenis beg guna semula atau beg/bungkusan alternatif yang disediakan termasuk manfaat penggunaannya dari aspek alam sekitar dan ekonomi; dan
- iv) Digalakkan menyediakan sudut informasi atau poster kesedaran di dalam premis bagi menerangkan kesan buruk penggunaan beg plastik jinjit sekali guna.
- v) Membuat pemantauan sendiri (*self-monitoring*) bagi memastikan pematuhan terhadap kempen ini tanpa menunggu tindakan penguatkuasaan daripada PBT.

4.7.3 PENGGUNA

Pengguna turut digalakkan untuk membawa sendiri seperti beg guna semula atau mana-mana bentuk beg/bungkusan alternatif yang sesuai seperti di senarai di atas bagi tujuan membawa barangan yang dibeli. Sikap prihatin ini amat penting dalam memastikan kejayaan jangka panjang dasar pengurangan beg plastik Negeri Pulau Pinang.

5.0 PUNCA KUASA

Pelaksanaan Kempen *Plastic Bag 3.0* adalah kekal seperti pelaksanaan *Plastic Bag 2.0* iaitu melalui syarat tambahan permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:

"Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab."

Berdasarkan sub-seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mewajibkan premis perniagaan supaya turut serta dalam Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025. Premis yang gagal mematuhi garis panduan ini boleh dikenakan tindakan termasuk pembatalan atau pembaharuan lesen perniagaan menurut peruntukan Seksyen 107(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

6.0 PROSES KERJA GARIS PANDUAN BAHARU

6.1 PELAKSANAAN KEMPEN YANG BAHARU

- i) Premis perniagaan yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara automatik menyertai dan tertakluk kepada pelaksanaan Kempen *Plastic Bag 3.0* yang terdiri daripada premis perniagaan sedia ada dan premis perniagaan baharu yang akan mula beroperasi dalam kategori berikut:
 - a. Pasaraya Hyper (*Hypermarket*);
 - b. Pasaraya Besar (*Supermarket*);
 - c. Pasaraya Serbaneka (*Departmental store*);
 - d. Kedai Serbaneka (*Convenient store*);
 - e. Restoran Makanan Segera (*Fast Food Restaurant*);
 - f. Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*);
 - g. Kedai Rangkaian (*Chain Store*);
 - h. Farmasi (*Pharmacy*) dan Klinik (*Clinic*); dan
 - i) Lain-lain premis perniagaan berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (*Others*).
- ii) Pasar awam, penjaja dan kompleks penjaja milik PBT **adalah dikecualikan** tertakluk kepada dasar, undang-undang dan peraturan semasa Kerajaan Negeri. Namun, digalakkan untuk menyertai dalam kempen tersebut.

Premis perniagaan yang disenaraikan di bawah para 6.1 (i) adalah **diwajibkan untuk tidak membekalkan beg plastik** kepada pengguna. Bagi premis perniagaan selain daripada kategori di Para 6.1 adalah digalakkan untuk turut melaksanakan kempen ini.

Penguatkuasaan kategori-kategori premis perniagaan selain di Para 6.1 akan dilaksanakan secara berfasa dan

berperingkat pada masa hadapan.

6.2 CADANGAN KAEDAH PENJUALAN BEG GUNA SEMULA ATAU BEG/BUNGKUSAN ALTERNATIF

- i) Sebagai sebahagian daripada usaha menyokong dasar pengurangan beg plastik sekali guna, premis-premis perniagaan dibenarkan untuk menyediakan atau menjual beg guna semula atau beg/bungkusan alternatif yang boleh digunakan semula kepada pelanggan. Namun, pelaksanaan kaedah ini haruslah menepati prinsip-prinsip mesra alam, berpatutan dan berorientasikan kesedaran kepada masyarakat.
- ii) Berikut adalah beberapa cadangan garis panduan dan kaedah yang boleh diguna pakai:

1. Harga Berpatutan dan Tidak Membebankan Pelanggan

- a) Harga bagi beg alternatif hendaklah ditetapkan secara munasabah dan telus dengan mengambil kira kos pengeluaran serta kemampuan pelanggan;
- b) Penjualan beg ini tidak boleh dijadikan sumber keuntungan utama, sebaliknya sebagai insentif untuk mendorong perubahan tingkah laku pengguna; dan

2. Pilihan Beg Pelbagai Jenis dan Saiz

- a) Pelanggan perlu diberi pilihan mengikut keperluan dan kemampuan, contohnya beg kecil untuk barangan ringan atau beg besar untuk pembelian dalam kuantiti banyak;
- b) Pilihan yang pelbagai membantu menyesuaikan keperluan pelanggan mengikut jenis barangan yang dibeli serta menggalakkan penggunaan semula.

3. Jualan di Kaunter dan Tempat Strategik

- a) Beg alternatif boleh dijual di kaunter bayaran, pintu masuk atau kawasan yang mudah dicapai oleh pelanggan;
- b) Premis boleh menyediakan rak khas berlabel bagi mempamerkan jenis, saiz dan harga beg alternatif yang ditawarkan; dan
- c) Paparan maklumat ringkas mengenai kegunaan semula dan faedah mesra alam turut digalakkan.

4. Penggunaan Jenama Sendiri (*Private Label*)

- a) Bagi perniagaan berskala sederhana dan besar, penggunaan beg alternatif berjenama sendiri boleh dipertimbangkan.
- b) Selain menjadi alat promosi yang berkesan, ia juga dapat meningkatkan imej korporat sebagai entiti prihatin alam sekitar.

Walau bagaimanapun, kaedah penjualan beg alternatif adalah tertakluk kepada ketersediaan dan kemampuan premis-premis perniagaan, namun demikian, premis-premis berkenaan digalakkan untuk menyediakan pilihan beg mesra alam bagi menyokong inisiatif ini.

6.3 PENGIKTIRAFAN

- 6.3.1 Premis perniagaan yang telah mendaftar lesen perniagaan dengan pihak PBT **WAJIB** mempamerkan **Sijil Premis Bebas Beg Plastik Negeri Pulau Pinang (LAMPIRAN A)** di tempat yang mudah dilihat oleh pelanggan di dalam premis sebagai bukti pematuhan kepada kempen.
- 6.3.2 Sijil ini adalah sebagai bukti rasmi bahawa premis perniagaan tersebut mematuhi Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025.

6.3.3 Sijil tersebut perlu diperbaharui setiap tahun oleh premis perniagaan selaras dengan tarikh tamat Lesen Premis Perniagaan masing-masing.

7.0 PENUTUP

Garis Panduan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025 diwujudkan dan dikuatkuasakan berdasarkan kepada maklumat sedia ada semasa ianya dirangka. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak meminda dan menambah baik garis panduan ini sekiranya perlu berpandukan perkembangan terkini dan keperluan dari semasa ke semasa berdasarkan kesesuaian

LAMPIRAN A**-CONTOH-****SIJIL****PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG**

NAMA PERNIAGAAN :

NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN :

ALAMAT PREMIS :

NO PENDAFTARAN
PREMIS :

TARIKH SAH SIJIL :

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PREMIS PERNIAGAAN YANG TERTERA DI ATAS ADALAH PREMIS BEBAS BEG PLASTIK DAN MERUPAKAN RAKAN HIJAU KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG. SEHUBUNGAN ITU, TIADA BEG PLASTIK YANG AKAN DIBEKALKAN UNTUK SEBARANG TRANSAKSI DI PREMIS INI.

